# Utusan Malaysia - Perancangan Tidak Tepati Syarat Jadi Punca - Johari

Ahad, Apr 09 2017

## Perancangan tidak tepati syarat jadi punca – Johari

**KUALA LUMPUR 9 April** – Perancangan cukai yang tidak menepati syarat dan undang-undang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) merupakan antara punca berlakunya pengelakan cukai melampau dalam kalangan syarikat-syarikat besar.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kebiasaannya syarikat-syarikat besar akan mengupah ejen cukai atau melantik penasihat bagi mengira jumlah cukai serta melakukan perancangan pengelakan cukai melampau walaupun mencatatkan perolehan mencecah ratusan juta ringgit dan perolehan kumpulan menjangkau berbilion ringgit.

Dua daripada syarikat bertaraf multinasional itu merupakan syarikat milik tokoh korporat bergelar Tan Sri dan tindakan tersebut menyebabkan kerajaan kerugian ratusan juta ringgit.

Johari berkata, mana-mana syarikat yang didapati tidak

membuat perancangan cukai bagi syarikat mereka.

"Kadang-kadang perancangan cukai ini tidak menepati undang-undang LHDN dalam mengira pencukaian.

"Oleh sebab itu apabila LHDN membuat audit, ia akan dikenakan pelarasan cukai mengikut interpretasi undang-undang pencukaian," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

*Mingguan Malaysia* hari ini mendedahkan tidak kurang 10 syarikat gergasi dikesan membayar cukai yang sepatutnya dikenakan penalti.

Jelasnya, LHDN mempunyai kuasa untuk menyiasat mengikut Seksyen 80 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan Seksyen 114(1A) bawah akta sama bagi mengambil tindakan terhadap ejen cukai.

Bagaimanapun, kata Johari, pembayar cukai juga mempunyai hak untuk membawa kes ke mahkamah sekiranya tidak bersetuju dengan taksiran yang dikenakan oleh LHDN.

UTUSAN




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 22 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216